

SOALAN NO: 503

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pengangguran dalam sektor swasta bagi tahun 2013 hingga 2017, mengikut alasan pengangguran (pemberhentian kerja (*retrench*), skim pemisah sukarela (VSS), penutupan syarikat, peletakan jawatan, pemecatan.

PR-1361-T01812

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Menurut Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku tahun ke empat 2017 adalah pada kadar 3.4 peratus dengan jumlah penganggur seramai 505,800 orang berbanding seramai penganggur 512,200 orang pada tahun 2016. Berdasarkan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) kadar pengangguran antara 4% hingga 6 % dianggap sebagai guna tenaga penuh (*full employment*). Malaysia mencapai guna tenaga penuh sejak 2 dekad yang lalu.

2. Pada amnya, terdapat tiga jenis pengangguran yang utama iaitu pengangguran yang baru menyertai pasaran buruh terdiri daripada lepasan institusi penggajian yang baru menamatkan penggajian, pengangguran yang disebabkan pemberhentian atau penutupan syarikat dan pengangguran. Para penganggur ini tidak mempunyai pekerjaan bukan kerana tidak memperoleh pekerjaan tetapi sedang mencari peningkatan kerjaya dan gaji yang lebih lumayan. Berdasarkan daripada jumlah seramai 505, 800 orang jumlah penganggur pada suku ke empat 2017, sebahagian besar penganggur yang berumur dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 25 tahun adalah daripada kalangan mereka yang baru menamatkan penggajian. Manakala sebahagian kecil pula adalah terdiri daripada

penganggur daripada kategori pekerja yang diberhentikan dan penganggur yang ingin mencari pekerjaan baru.

3. Tindakan pemberhentian kerja yang telah dilaksanakan adalah secara pemberhentian secara biasa (*retrenchment*) atau pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS). Antara sebab-sebab tindakan pemberhentian ini berlaku adalah;

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan terhadap barang dan perkhidmatan;
- (iii) pemaksimuman teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;
- (v) pengeciran tenaga kerja;
- (vi) pengambilalihan syarikat;
- (vii) penstrukturran semula organisasi; dan
- (viii) penggabungan syarikat.

4. Pada tahun 2017 pula, seramai 35,097 orang pekerja yang diberhentikan iaitu seramai 31,159 orang (89%) pemberhentian biasa dan seramai 3,938 orang (11.%) yang terlibat dengan pemberhentian secara sukarela(VSS). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan kerja ialah seramai 32,055 orang pekerja berbanding seramai 3,042 orang pekerja asing. Pekerja asing yang terlibat dengan pemberhentian telah pulang ke negara asal.

5. Kerajaan telah menukuhkan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan (di 12 UTC Negeri di mana Pusat

JobsMalaysia beroperasi) bagi meningkatkan peluang kebolehpasaran kepada warganegara termasuk pekerja yang terlibat dengan pemberhentian. Bagi tujuan ini, Agensi seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), TERAJU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan PERKESO juga turut memberikan perkhidmatan setempat kepada golongan sasaran termasuk pencari kerja yang terlibat dengan pemberhentian.

6. Berdasarkan rekod JTKSM, sepanjang tahun 2017, seramai 183,433 pencari kerja berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Dari jumlah ini, seramai 57,320 orang adalah pencari kerja dari kalangan siswazah dan seramai 126,113 orang adalah pencari kerja dari kalangan bukan siswazah. Manakala bagi tahun 2018 sehingga 28 Februari, seramai 31,239 orang pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan. Dari jumlah ini, seramai 9,583 orang pencari kerja adalah dari kalangan siswazah manakala seramai 21,656 orang adalah dari kalangan bukan siswazah.